

# Kemajuan koperasi bantu pelbagaikan ekonomi negara



**SETIAUSAHA** Agung Koperasi Usahajaya Persatuan Bekas Kakitangan Kerajaan (PEKIRA) Berhad, Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Dato Amar Setia Diraja Haji Kasim.

**JANGSAK**, Khamis, 2 Julai. - Kemajuan koperasi membantu mempelbagaikan ekonomi di negara ini, di samping menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Setiausaha Agung Koperasi Usahajaya Persatuan Bekas Kakitangan Kerajaan (PEKIRA) Berhad, Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Dato Amar Setia Diraja Haji Kasim berkata, pada masa ini, perusahaan stesen minyak koperasi berkenaan mempunyai seramai 16 pekerja, di mana 12 daripadanya terdiri

daripada warga tempatan.

"Sebelum stesen perniagaan ini mula beroperasi, saya telah menghantar bakal-bakal pekerja ke beberapa stesen minyak di negara ini untuk membantu mereka belajar mengenai selok-belok operasi perusahaan tersebut.

"Bagaimanapun, saya juga akan turun padang bagi memastikan mereka dapat mempelajari perkara berkenaan," katanya kepada Pelita Brunei ketika ditemui di Stesen Minyak Koperasi Usahajaya PEKIRA Berhad, terletak di Simpang 842, Kampung Jangsak, Jalan Gadong.

Oleh itu, jelas beliau, mendalami ilmu pengetahuan yang berkaitan adalah penting bagi memastikan sesebuah perusahaan koperasi itu dapat berkembang, selain memberikan peluang latihan juga pengalaman kepada para pekerja tempatan.

Selain itu, katanya, sifat rajin, amanah dan bertanggungjawab juga perlu ada dalam setiap diri pekerja.

Mengenai penglibatan beliau dalam perusahaan koperasi, beliau menyokong usaha berkenaan dan menyarankan agar



**KOPERASI** Usahajaya Pekira Berhad.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

mereka diberikan latihan juga peluang secukupnya.

Di samping itu, jelas beliau, para beliau juga perlu proaktif dalam menimba ilmu-ilmu praktikal perniagaan bagi memajukan diri mereka.

"Dari segi modal pula, ia dapat dikumpulkan secara perlahan-lahan dan para beliau perlu lebih berani untuk bermula dari bawah," ujar beliau.

Beliau memberitahu, sokongan terhadap perusahaan koperasi perlu ditingkatkan dan ia tidak semestinya dari segi kewangan, tetapi antaranya dari segi kemudahan tempat dan latihan.

Beliau berharap, lebih banyak koperasi akan ditubuhkan di negara ini sebagai persediaan dalam mengharungi cabaran ekonomi dan mengurangkan masalah pengangguran dalam kalangan beliau tempatan.

Koperasi Usahajaya PEKIRA Berhad merupakan salah sebuah perusahaan tempatan di negara ini yang berdaftar di bawah Akta

Koperasi 1975 (Penggala 84) pada 7 Disember 2009.

Pada masa ini, koperasi berkenaan mempunyai seramai 176 orang pelabur saham, terdiri daripada Ahli-ahli PEKIRA.

Koperasi ini berkembang bermula dengan perkhidmatan bas sewa sehingga terbinanya perusahaan sebuah stesen minyak, yang mula beroperasi pada 1 Ogos 2016.

Mengenai perkembangan koperasi itu, Awang Haji Abdul Rahman berkata, mereka menandatangani perjanjian usaha sama bersama pihak pemaju untuk pembangunan komersial.

Dalam pada itu, beliau berkata, koperasi berkenaan mula mengagihkan dividen tahunan kepada para pelabur saham, bermula pada tahun 2018, iaitu sebanyak 2.25 peratus.

"Manakala, pada tahun 2019, dividen yang diagihkan adalah sebanyak 3 peratus dan pada tahun 2020 sebanyak 3.64 peratus," katanya.

## Mahasiswa UNISSA memenangi Anugerah Platinum, Pingat Emas VIC2020



**PELAJAR** Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban UNISSA, Awangku Mohd. Nur Arjun 'Azhim bin Pengiran Julkifli selaku Ketua Kumpulan (tiga, kanan) semasa bergambar ramai bersama kumpulan beliau.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 1 Julai. - Produk baja organik 'Potilizer' hasil daripada mahasiswa dan mahasiswi Tahun 2, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berjaya memenangi 'Anugerah Platinum dan Pingat Emas' bagi Kategori 'Social Science B' pada Pertandingan Inovasi Maya (Virtual Innovation Competition - VIC) 2020.

VIC2020 dianjurkan oleh Association of Information Scientists (AIS); Digital Information Interest Group (DIGIT); Research, Industry & Alumni Division, Universiti

Teknologi MARA Kelantan, Malaysia; dan Society of Information System Management (SISMA).

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama salah seorang mahasiswa PPHT, UNISSA, Awangku Mohd. Nur Arjun 'Azhim bin Pengiran Julkifli selaku Ketua Kumpulan menjelaskan, produk yang dihasilkan adalah baja yang diperbuat daripada kulit pisang, air mineral, sedikit tumbuh-tumbuhan dan Nitrogen, Phosphorus dan Potassium (NPK), yang merupakan bahan penting untuk membantu dalam menyuburkan tumbuh-tumbuhan.

Dari segi penghasilan jelasnya,

boleh dikatakan mudah kerana semua bahan yang digunakan adalah bahan-bahan organik yang mudah didapati dan tempoh pembuatan proses juga tidak lama.

Konsep membuat baja ini menurutnya, bukan sahaja untuk menyuburkan tumbuh-tumbuhan, tetapi bahan-bahan yang digunakan juga adalah mesra alam (*environmentally friendly*).

Menyentuh mengenai bahan yang digunakan, iaitu kulit pisang, beliau menambah, setelah membuat penyelidikan, kulit pisang mempunyai nutrien-nutrien yang diperlukan dalam baja untuk menyuburkan lagi tanaman-tanaman.

"Pada masa ini, perancangan kami seterusnya ialah untuk cuba memajukan lagi produk ini dari segi pembungkusannya.



**PRODUK** baja organik 'Potilizer' hasil daripada mahasiswa dan mahasiswi Tahun 2, PPHT, UNISSA berjaya memenangi 'Anugerah Platinum dan Pingat Emas' bagi Kategori 'Social Science B' pada Pertandingan Inovasi Maya 2020.

Kami akan cuba mengubah lagi ramuannya, apa yang patut dibaiki dan apa yang patut ditambah. Kami juga akan mencari pembeli yang berminat untuk membeli produk ini. Selain itu, kami juga akan cuba menyertai pertandingan seterusnya menggunakan produk yang sama. Produk kami ini boleh dikatakan berinovasi," ujarnya lagi.

Objektif penghasilan baja organik 'Potilizer' adalah untuk menyelesaikan masalah sisa makanan dan meningkatkan kesedaran kepada masyarakat dalam mengurangkan pembuangan sampah sarap, di samping untuk mendekati para petani, pengusaha dan individu untuk memanfaatkan sepenuhnya sisa organik serta menanamkan keyakinan akan penggunaan baja organik ini.

Sebanyak 347 projek dan seramai 1,491 peserta ikut serta dalam lima kategori dari tiga buah negara bagi menyertai

VIC2020 yang membawa tema, 'Menginspirasi Generasi Masa Depan melalui Inovasi' (Inspiring Future Generation through Innovation).

Pertandingan tersebut menampilkan inovasi dari pelbagai bidang dan aliran yang bertujuan untuk memupuk budaya inovasi dan reka bentuk dalam bidang pengajaran dan pembelajaran dan bidang lain yang berkaitan di kalangan tenaga pengajar, pelajar dan orang ramai, selain untuk menyediakan platform berprestij untuk mereka mengambil bahagian dan mempamerkan hasil inovasi dan reka bentuk melalui platform digital.

Majlis penyampaian anugerah tersebut diadakan pada 30 Jun 2020, melalui laman YouTube yang dirasmikan oleh Naib Canselor Universiti Teknologi MARA, Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim.